

### Tudung: Contohi NS tidak perbaharui lesen

**KUALA LUMPUR 8 Dis.** - Arahan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak memperbaharui lesen hotel-hotel yang melarang pekerjaanya bertudung, perlu dilaksanakan di seluruh negara kerana perbuatan itu jelas menunjukkan diskriminasi terhadap wanita Islam.

Justeru wakil Puteri UMNO, Noor Aeiza Hassan berkata, kerajaan-kerajaan negeri perlu mencontohi Negeri Sembilan yang pertama mengeluarkan arahan tersebut baru-baru ini.

"Kita jangan bagi muka kepada mereka kalau mereka pijak agama kita, ini tidak ada kompromi. Puteri UMNO tidak akan berkompromi jika agama Islam ditindas terutama mengenai pemakaian tudung," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO 2017 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Baru-baru ini, Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia mendedahkan ramai kakitangan hotel mengadu mengenai diskriminasi terhadap pekerja wanita Islam di bahagian kaunter yang diarahkan menanggalkan tudung.

Berikutan itu, Pengerusi Persatuan Hotel-Hotel Malaysia, Samual Cheah Swee Hee memberi alasan rangkaian hotel antarabangsa menggunakan prosedur operasi standard bagi pemakaian uniform di rangkaian hotel mereka di seluruh dunia.

Dalam pada itu, Noor Aeiza turut menentang isu lambakan tenaga pekerja yang dilihat serius dengan statistik Jabatan Sumber Manusia menunjukkan terdapat 6.7 juta pekerja asing di negara ini dan jumlah itu tidak terhad kepada pekerjaan sektor 3D iaitu bahaya,



NOOR AEIZA HASSAN, wakil Pergerakan Puteri UMNO membahaskan usul ucapan dasar Presiden.

kotor dan sukar semata-mata.

Katanya, terdapat juga pihak majikan terutama dalam bidang perhotelan dan makanan yang menggajikan pekerja asing di barisan depan sehingga menenggelamkan 'wajah negara' selain memaksa pelanggan bertutur dalam bahasa Inggeris.

"Inilah masanya kerajaan mengupayakan pelajar-pelajar dari institut kemahiran berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk membuat pepadanan pekerjaan. Ini supaya pekerjaan yang banyak diisi oleh

pekerja asing diisi oleh anak-anak muda yang berkemahiran," katanya. Katanya, Puteri UMNO juga mengesyorkan agar kerajaan mewujudkan mekanisme baharu dalam pengawalan subsidi agar dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat dan tidak tiris ke tangan warga asing.

"Sudah tiba masanya kerajaan melihat semula subsidi barang kawalan. Pembelian barang kawalan bersubsidi oleh warga asing perlu dihentikan. Cukup-cukuplah kerajaan tanggung subsidi untuk mereka," katanya.



**Sudah tiba masanya kerajaan melihat semula subsidi barang kawalan. Pembelian barang kawalan bersubsidi oleh warga asing perlu dihentikan.**

**NOOR AEIZA HASSAN**  
Wakil Puteri UMNO

#### USUL EKONOMI

- Mencadangkan supaya garis panduan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) dijadikan dasar oleh semua syarikat besar termasuk GLC yang mendapat kontrak atau konsesi kerajaan supaya **lebih mesra** dengan syarikat bumiputera.
- Menyelaraskan semua agensi kerajaan yang terlibat dengan perumahan mampu milik seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PRIMA, PPAIM, SPNB dan UDA untuk menyelesaikan isu perumahan secara total dan holistik dengan harga **RM250,000** dan ke bawah seunit.
- Menangani kos sara hidup yang terus meningkat melalui **penguatkuasaan tegas** terhadap peniaga yang mengambil kesempatan serta tindakan drastik menghapuskan aktiviti orang tengah. Perbanyakkan juga agensi kerajaan seperti FAMA yang boleh menjual terus barang keperluan asas kepada rakyat.
- Mendesak supaya kerajaan mewujudkan **ekosistem perniagaan** berkaitan pengangkutan awam agar syarikat bumiputera yang melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan dapat menikmati pelaburan besar kerajaan seperti LRT3, MRT, ECRL dan HSR.
- Mencadangkan **Bajet 2018** menjadi asas kepada manifesto Barisan Nasional.